



KERTAS KERJA

**SEMINAR PEMATUHAN
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974
SIRI I DAN II 2023:**

**PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL
KE ARAH MALAYSIA MADANI PERINGKAT
WP KUALA LUMPUR 2023**

BAGI

**PIHAK
INDUSTRI, BENGKEL, KLINIK DAN TAPAK PROJEK**

W.P. KUALA LUMPUR

1.0 LATAR BELAKANG

Sektor industri merupakan salah satu sektor utama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara. Dalam kerancangan pembangunan sektor ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, keperluan alam sekitar kurang dititikberatkan sehingga mengakibatkan berlakunya masalah pencemaran yang serius khususnya berkaitan dengan buangan terjadual. Sehubungan itu, kesinambungan daripada kejayaan seminar anjuran JASWPKL yang dianjurkan pada tahun 2022 yang lalu, dicadangkan siri seminar berhubung Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 diteruskan lagi sebagai satu medium untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pihak sektor industri khususnya premis-permis industri, klinik, bengkel-bengkel kenderaan dan tapak projek tentang kepentingan pengurusan buangan terjadual secara efektif dalam memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara.

2.0 OBJEKTIF

- i) Memberi kefahaman mengenai pemakaian dan pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- ii) Menjelaskan mengenai keperluan dan kepentingan pengurusan Buangan Terjadual secara sistematik;
- iii) Memberi maklumat serta prosedur mengenai persijilan orang berwibawa dalam pengurusan Buangan Terjadual di kalangan premis industri dan bengkel kenderaan; dan
- iv) Memberi peluang kepada peserta-peserta untuk mengutarakan pandangan serta persoalan kepada ahli panel melalui sesi dialog.

3.0 ANJURAN

Program dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan JAS WPKL (KASKUL).

4.0 PESERTA DAN YURAN PENYERTAAN

4.1 Bilangan peserta adalah seramai **150 - 300 orang (bagi setiap siri)** yang terdiri peserta daripada sektor industri, klinik, bengkel kenderaan dan tapak projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4.2 Yuran penyertaan: **RM 350.00 / peserta**

| Bil | Perkara | Jumlah (RM) |
|--------------------|-------------------------------------|---------------|
| 1 | Makan/ Minum/ Auditorium | 200.00 |
| 2 | Bahan Seminar | 70.00 |
| 3 | Bayaran Penceramah & Kos Pengurusan | 30.00 |
| 4 | Kos Kontegensi | 50.00 |
| Jumlah (RM) | | 350.00 |

- *Pecahan Kos bagi setiap peserta*

5.0 CADANGAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT

Tajuk : SEMINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974 SIRI I 2023: PENGURUSAN
BUANGAN TERJADUAL KE ARAH MALAYSIA MADANI

Tarikh : 27 Julai 2020 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : *akan dimaklumkan kemudian*

Tajuk : SEMINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974 SIRI II 2023: PENGURUSAN
BUANGAN TERJADUAL KE ARAH MALAYSIA MADANI

Tarikh : *September atau Oktober 2023*

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : *akan dimaklumkan kemudian*

6.0 CADANGAN AKTIVITI (BAGI SETIAP SIRI)

- 6.1 Sebanyak empat (4) sesi pembentangan serta satu (1) sesi dialog
- 6.2 Pameran dari Unit Kesedaran (Rakan Alam Sekitar dan *ewaste*)
- 6.3 Booth untuk eswis

7.0 TENTATIF PROGRAM (BAGI SETIAP SIRI)

| <u>MASA</u> | <u>ATURCARA</u> |
|------------------------------|--|
| 8.00 Pagi | Pendaftaran Peserta & Kudapan Pagi |
| 8.55 Pagi | Bacaan Doa |
| 9.00 Pagi- 9.15 Pagi | Perasmian oleh Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 9.15 Pagi- 10.15 Pagi | Pembentangan 1: Statistik Penguatkuasaan dan Isu Pematuhan Pengurusan Buangan Terjadual di Kuala Lumpur dan Putrajaya (JAS WPKL) |
| 10.15 Pagi- 10.30 Pagi | Minum Pagi |
| 10.30 Pagi- 12.00 Pagi | Pembentangan 2 : Polisi Pengurusan Buangan Terjadual dan Kes-Kes Pelupusan Haram Buangan Terjadual Di Malaysia. (Bhg. BB, JAS HQ) |
| 12.00 T/Hari- 1.00 T/Hari | Pembentangan 3: Kewajipan Pemakaian Sistem Eswis dan Pematuhan PPKAS (BT) 2005 (JAS WPKL) |
| 1.00 Petang | Makan Tengahari |
| 2.00 Petang- 3.30 Petang | Pembentangan 4: Keperluan Persijilan Orang Berwibawa Dalam Pengurusan Buangan Terjadual. (Bahagian Persijilan, Institut Alam Sekitar Malaysia (<i>EiMAS</i>)) |
| 3.30 Petang- 4.30 Petang | Sesi Dialog / Soal Jawab Bersama Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. |
| 4.30 Petang | Minum Petang |
| 5.00 Petang | Bersurai |

8.0 ANGGARAN KOS (BAGI SETIAP SIRI)

| BIL | PERKARA | Kuantiti/Kos | Jumlah (RM) |
|--|--|----------------------|---------------------|
| 1 | Sewaan termasuk: - Hotel/Dewan Seminar - Makan dan minum | 300 peserta x RM 200 | RM 60,000.00 |
| 3 | Bayaran Honorarium Penceramah - Pembentang 1 - Pembentang 2 - Pembentang 3 - Pembentang 4 | 4 x RM 250 | RM 1,000.00 |
| 4 | Keperluan Bahan Seminar Untuk Peserta - Beg seminar - Alat tulis | 300 peserta x RM 70 | RM 21,000.00 |
| 5 | Kontigensi | | RM 3,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN (BAGI SETIAP SIRI) | | | RM 85,000.00 |

9.0 ANGGARAN PENDAPATAN (BAGI SETIAP SIRI)

9.1 Yuran penyertaan: **RM 350.00 x 300 orang**

JUMLAH **RM 105,000.00**

10.0 PENUTUP

Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KASKUL) dipohon mengambil maklum mengenai cadangan Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Siri I dan II 2023: Pengurusan Buangan Terjadual Ke Arah Malaysia Madani ini, dan meluluskan peruntukan kewangan yang diperlukan sebanyak **RM 85,000.00** (bagi setiap siri) untuk menjayakan penganjuran seminar tersebut. Program ini diharapkan akan berjaya mencapai matlamat dan objektifnya dan seterusnya memberikan pengalaman serta pendedahan yang bernilai kepada peserta.

Sekian, terima kasih.

Catatan:

| Disediakan | Disokong | Diluluskan |
|---|---|---|
| | | |
| (Wan Khairuldin bin Wan Ismail) Biro Ekonomi KASKUL JAS WPKL | (Tc. Razman Bin Sabtu) Pengerusi KASKUL JAS WPKL | (Zuraini Binti Ahmad Tajudin) Penaung KASKUL JASWPKL |
| Tarikh : | Tarikh : | Tarikh : |